

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## Penularan COVID-19



Pegawai Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya menampal notis perintah tutup terhadap premis di Teluk Kumbar membabitkan kluster Tawar. (Foto Danial Saad/BH)

# Tiada pilih kasih penguatkuasaan SOP

Arahan pematuhan KKM, MKN tanpa kira kedudukan kekang wabak

Oleh Rosman Shamsudin  
bhnews@bh.com.my

**Slim River:** Arahan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengekang penularan COVID-19 tidak mengenal darjat dan bersikap pilih kasih sehingga ada pihak yang mendapat pengecualian.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata sesiapa sahaja tanpa mengira pangkat atau kedudukan tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang jika melanggar SOP berkenaan seiring usaha KKM untuk mengekang penularan wabak itu.

"Kerajaan konsisten (menguatkuasakan undang-undang) dan akan memastikan mereka yang melanggar SOP ditetapkan MKN dan KKM diambil tindakan dan diadili dengan telus.

"Contohnya, saya sendiri pun telah tidak terlepas daripada hukuman dan undang-undang serta denda RM1,000 kerana melanggar SOP COVID-19 sebelum ini," katanya selepas melawat tapak Klinik Desa FELDA Besout 4, di sini, semalam.



**Kerajaan konsisten kuat kuasa undang-undang dan akan memastikan mereka yang melanggar SOP ditetapkan MKN dan KKM diambil tindakan dan diadili dengan telus.**

Dr Noor Azmi Ghazali,  
Timbalan Menteri Kesihatan

Beliau mengulas tindakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali yang didakwa ingkar perintah kuarantin selepas pulang dari Turki baru-baru ini.

Khairudin pulang dari Turki pada 7 Julai lalu selepas berada di sana selama empat hari dan kembali ke Parlimen enam hari kemudian pada 13 Julai, sebelum tempoh kuarantin di rumah berakhir.

Mengulas lanjut mengenai kes membabitkan Khairuddin, Dr Noor Azmi berkata siasatan perlu dilakukan bagi melihat sama ada berlaku pelanggaran SOP.

"Saya tidak tahu perincian perkara ini dan jika ada kebenarannya, maka siasatan dan hukuman mengikut Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) perlu dilakukan. Semua rakyat mahu keadilan dan integriti," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Azmi berkata, kajian masih dijalankan bagi mengenal pasti sama ada Kluster Sala dan Tawar mempunyai mutasi jenis D614G seperti Kluster Sivagangga.

Katanya, kerajaan memandang serius peningkatan kes kedua-dua kluster pandemik berkenaan dan segala pemantauan serta pencegahan giat dilakukan.

"Virus memang bersifat begini, ...ia akan mutasi kerana mahu hidup, bukan mahu bunuh perumah, tetapi kita tidak tahu adakah ia bersangkutan (mutasi D614G). Kajian masih dilakukan," katanya.

Virus mutasi D614G dilaporkan berisiko meningkatkan kebolehhajngkitan COVID-19 lebih 10 kali ganda dalam kalangan mereka yang tidak mengikut SOP.

Semalam, Kluster Tawar di Kedah kembali menunjukkan peningkatan iaitu tiga kes baharu dikesan menjadikan jumlah keseluruhan kes dalam kluster berkenaan ialah 58 kes. Ini menjadikan Kluster Tawar sebagai kluster terbesar diikuti Kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga yang kini mempunyai 15 kes aktif dan Kluster Sala pula 11 kes aktif.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

## Kluster Maju babit dua pekerja restoran dikenal pasti

**Putrajaya:** Satu lagi kluster baharu dikenal pasti iaitu Kluster Maju membabitkan sebuah restoran di Titiwangsa, Kuala Lumpur dan kini sudah menjangkiti tiga individu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dua kes pertama bagi kluster berkenaan iaitu kes 9,176 dan 9,177 dilaporkan positif pada 16 Ogos lalu.

"Kedua-dua mereka adalah pekerja di restoran terbabit yang dikesan hasil saringan rawak ke atas pekerja restoran dan kedai makan yang dijalankan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

"Susulan itu, saringan kontak rapat sudah dijalankan dan seorang pelanggan restoran berkenaan disahkan positif. Beliau mengalami gejala sakit tekak dan sakit kepala sejak 17 Ogos lalu dan kini dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hingga kini 672 individu sudah disaring, termasuk 16 pekerja dan 656 pelanggan.

"Daripada jumlah ini tiga kes dikesan positif manakala 669 in-



**Sebuah premis makanan di Teluk Kumbar, Bayan Lepas di Pulau Pinang membabitkan Kluster Tawar ditutup,**  
(Foto Danial Saad/BH)

dividu lagi negatif. Aktiviti penyesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang diteruskan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kluster Tawar di Kedah kembali menunjukkan peningkatan, iaitu tiga kes baharu dikesan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes dalam kluster itu, 58.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, seramai 2,733 individu su-

dah disaring dalam kluster itu membabitkan tiga negeri. Di Kedah seramai 2,256 disaring dan daripada jumlah itu 47 kes dikesan positif COVID-19; 1,985 individu negatif dan 224 individu masih menunggu keputusan.

Di Pulau Pinang, 466 individu sudah disaring, iaitu 11 kes dikesan positif, 430 negatif dan 25 individu masih menunggu keputusan. Saringan di Perak membabitkan 11 individu dan semua

mereka negatif.

Menurut infografik Kementerian Kesihatan, semua kes dalam Kluster Tawar masih aktif dan belum sembuh sekali gus menjadikannya kluster terbesar diikuti Kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga yang kini mempunyai 15 kes aktif dan Kluster Sala pula 11 kes aktif.

Hingga kini ada 17 kluster masih aktif dan 84 kluster sudah tamat, termasuk dua yang diisy-

tihar tamat semalam, iaitu Kluster Warga Emas Kluang dan Kluster Rumah Kongsi Sepang.

Dalam pada itu, sembilan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan semalam membabitkan empat kes import dan lima kes penularan tempatan. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini, 9,249.

"Lima kes penularan tempatan, satu kes babitkan warga asing ketika saringan sebelum pulang ke negara asal. Dia tidak bergejala dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak. Empat kes lagi membabitkan rakyat tempatan, tiga dikesan di Kedah, iaitu Kluster Tawar dan satu kes di Kuala Lumpur babitkan Kluster Maju.

"Jumlah kes aktif dengan kebolehtingkatkan COVID-19 adalah 179 kes dan tujuh kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) serta empat daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Sebanyak 13 kes pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih 8,945 atau 96.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Tiada kematian semalam, kes kekal 125 atau 1.35 peratus keseluruhan kes.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

# 94.9 peratus orang dewasa kurang makan sayur, buah

Rakyat diseru amal gaya hidup sihat elak penyakit

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan 94.9 peratus orang dewasa di negara ini tidak mengambil jumlah buah-buahan dan sayur-sayuran yang disyorkan iaitu lima hidangan setiap hari.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata data itu menunjukkan peningkatan berbanding 94 peratus pada 2015.

Justeru, beliau menasihatkan rakyat Malaysia mengekalkan amalan cara hidup sihat bagi mencegah penyakit termasuk diabetes, hipertensi, kardiovaskular dan kanser.

"Ini berkait rapat juga dengan komitmen kerajaan menyediakan peruntukan besar untuk merawat mereka yang dilanda penyakit sedemikian.

"Kita tidak mahu ramai rakyat menderita penyakit yang berpun-



**Dr Adham (tiga dari kiri) ketika merasmikan Intervensi Pengurusan Berat Badan dikenali sebagai 'I Fit and Eat Right secara maya (V+IFitEr)' peringkat kebangsaan 2020, di Putrajaya, semalam.** (Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

ca daripada amalan gaya hidup tidak sihat yang boleh dicegah sejak awal," katanya.

Beliau berkata demikian sebelum merasmikan Intervensi Pengurusan Berat Badan atau dikenali sebagai 'I Fit and Eat Right secara maya (V+IFitEr)' peringkat kebangsaan 2020, semalam.

Program itu adalah perkongsian pintar Kementerian Kesihatan (KKM) dan Pertubuhan Pencegahan Obesiti Kanak-kanak

dan Dewasa.

Dr Adham berkata, kadar prevalens rakyat Malaysia yang mengalami berat badan berlebihan dan obesiti turut menunjukkan peningkatan iaitu 50.1 peratus tahun lalu berbanding 2015 iaitu 47.7 peratus.

"Secara keseluruhan, satu daripada dua rakyat Malaysia mengalami berat badan berlebihan dan obes, manakala golongan dewasa yang obes abdomen menun-

juukkan trend peningkatan dari 48.6 peratus pada 2015 kepada 52.6 peratus pada 2019.

"Selain itu, 29.8 peratus kanak-kanak antara usia lima hingga 17 tahun berlebihan berat badan dan obes.

"Penyumbang utama berlebihan berat badan dan obes ialah amalan cara hidup tidak sihat dan tidak aktif secara fizikal serta pengambilan makanan yang tidak sihat dan seimbang," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

# Tiada siapa akan terlepas

Mana-mana individu termasuk Menteri yang langgar SOP kuarantin akan dikenakan hukuman

Oleh SAIFULLAH AHMAD

## TANJUNG MALIM

Tiada mana-mana individu termasuk Menteri yang akan terlepas daripada dikenakan hukuman kerana melanggar prosedur operasi standard (SOP) kuarantin coronavirus (Covid-19).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, kerajaan akan menjalankan siasatan secara telus dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka yang melanggar SOP.

“Siapa-siapa yang langgar SOP akan diadili dan tindakan akan diambil. Saya pun kena bayar RM1,000.

“Saya rasa kerajaan kena telus buat siasatan... ambil tindakan yang perlu. Sesiapa pun tidak akan terlepas,” katanya kepada pemberita selepas melawat tapak Klinik Kesihatan Besout di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai tindakan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Khairud-

## Kajian Kluster Sala, Tawar dilakukan

**TANJUNG MALIM -** Kajian masih dijalankan bagi mengenal pasti sama ada Kluster Sala dan Tawar mempunyai mutasi jenis D614G seperti Kluster Sivaganga berkaitan wabak Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, pihaknya memandangkan serius peningkatan kes kedua-

**MUTASI  
D614G**

dua kluster pandemik berkenaan dan segala pemantauan serta pencegahan giat dilakukan.

“Virus memang bersifat begini... ia akan mutasi kerana mahu hidup, bukan mahu bunuh perumah, tetapi kita tidak tahu adakah ia bersangkutan (mutasi D614G). Kajian masih dilakukan,” katanya. - *Bernama*



Dr Noor Azmi (dua dari kanan) bersama wakil penduduk melawat tapak Klinik Kesihatan Besout, Tanjung Malim semalam.

din Aman Razali yang didakwa tidak menjalani kuarantin selama 14 hari selepas pulang daripada luar negara.

Sementara itu, Dr Noor Azmi berkata, dalam usaha menyekat penularan Covid-19, semua pihak perlu akur dengan SOP ditetapkan.

“Kita perlu saling ingat mengi-

ngati antara satu sama lain supaya kita dapat menyekat penularan Covid-19 ini.

“Jangan main-main ada kes pergi luar negara, apabila balik, diuji negatif Covid-19 kemudian apabila diuji semula, jadi positif dan kemudian dia mati sebab terlambat untuk dapatkan rawatan,” katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEGARA

## 94.9 peratus dewasa tidak makan buah, sayur

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 94.9 peratus orang dewasa di negara ini tidak mengambil jumlah buah-buahan dan sayur-sayuran yang disyorkan iaitu lima hidangan setiap hari.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, data daripada tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 itu menunjukkan terdapat peningkatan berbanding hanya 94 per-

tus pada tahun 2015.

"Kita tidak mahu ramai rakyat Malaysia yang sakit akibat amalan hidup yang tidak sihat. Langkah pencegahan seharusnya dilakukan pada peringkat awal.

"Diet serta cara hidup yang sihat perlu diamalkan supaya dapat mencegah daripada menghidap pelbagai penyakit termasuk hipertensi, kardiovaskular, diabetes serta kanser," katanya

pada majlis perasmian Intervensi Pengurusan Berat Badan peringkat kebangsaan 2020 di sini semalam.

Katanya, berdasarkan tinjauan itu, kadar prevalens rakyat Malaysia yang mengalami obesiti turut meningkat kepada 50.1 peratus pada tahun lalu berbanding 47.7 peratus pada tahun 2015.

Ujarnya, secara keseluruhan satu daripada dua rakyat Ma-

laysia didapati berlebihan berat badan.

"Orang dewasa yang mempunyai obesiti abdomen juga meningkat daripada 48.6 peratus pada 2015 kepada 52.6 peratus pada 2019, manakala 29.8 peratus kanak-kanak antara umur 5 hingga 17 tahun didapati obes.

"Pengambilan makanan tidak sihat dan tidak seimbang antara punca obesiti," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

4

Negara!

Kosmo! SABTU 22 OGOS 2020



Covid-19 #kitamestimenang

Kluster Tawar rekod tiga kes baharu, 249 masih tunggu keputusan

## Kluster Maju dikesan di ibu negara

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Satu kluster baharu penularan Covid-19 dikesan di sebuah restoran di Titiwangsa, Kuala Lumpur iaitu Kluster Maju dengan tiga kes direkodkan selain Kluster Tawar mencatatkan tiga kes baharu pada semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham berkata, dua kes pertama Kluster Maju iaitu kes ke-9,176 dan kes ke-9,177 dikesan pada 16 Ogos lalu.

"Kedua-dua kes merupakan pekerja di restoran tersebut yang dikesan hasil saringan rawak ke atas pekerja restoran dan kedai makan di sekitar ibu negara. Sualan itu, saringan kontak rapat dijalankan di mana kes baharu kluster ini yang merupakan pelanggan restoran tersebut telah dikesan.

"Mangsa mengalami gejala sakit tekak dan sakit kepala sejak 17 Ogos dan telah dimasukkan ke

Hospital Sungai Buloh," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, seramai 672 orang disaring setakat ini termasuk 16 pekerja dan 656 orang pelanggan.

Katanya, daripada jumlah itu, tiga kes dikesan positif Covid-19, manakala 669 individu didapati negatif.

"Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang diteruskan. Langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di kedai makan tersebut," katanya.

Sementara itu, Noor Hisham berkata, tiga kes baharu penularan tempatan turut dilaporkan di Kluster Tawar menjadikan jumlah kes dikesan positif Covid-19 bagi kluster itu sebanyak 58 kes.

Menurutnya, setakat ini, 2,733 individu telah disaring di tiga



### Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	9
• Import: 4	Tempatan: 5
• Pullih	13
• Kematian	0
• Masih dirawat	179
• Jumlah kes sembuh	8,945
• Jumlah Kematian	125
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>9,249</b>

negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

"Seramai 2,426 didapati negatif, manakala 249 lagi masih menunggu keputusan. Pengesan-



Aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat sedang diteruskan. Langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di kedai makan tersebut."

an kes dan saringan kontak rapat bagi kluster ini masih diteruskan buat masa ini," katanya.

Noor Hisham berkata, satu lagi penularan tempatan dikesan di Sarawak membabitkan kes saringan sebelum pulang ke negara asal.

"Mangsa bukan warganegara dan tidak bergejala telah dimasukkan ke Hospital Umum

Sarawak, Kuching," katanya.

Berhubung kes import, Noor Hisham memberitahu, sebanyak empat kes jangkitan dilaporkan semalam yang kesemuanya adalah bukan warganegara.

"Sebanyak dua kes dikesan di Kuala Lumpur iaitu dari Filipina dan Austria. Dua kes lagi dikesan di Selangor dari Indonesia dan India," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, dua lagi kluster ditamatkan iaitu Kluster Warga Emas Kluang di Johor dan Kluster Rumah Kongsi Sepang di Selangor menjadikan jumlah kluster tamat adalah 84.

"Kluster Warga Emas Kluang merekodkan 18 kes membabitkan 15 warganegara dan tiga bukan warganegara dengan satu kes kematian turut dilaporkan.

"Kluster Rumah Kongsi Sepang pula merekodkan tiga kes membabitkan warganegara dan tiada kematian," katanya.

## Mutasi Kluster Sala, Tawar dikaji

**TANJUNG MALIM** – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih menjalankan kajian bagi mengenal pasti sama ada wabak Covid-19 di Kluster Sala dan Tawar mempunyai mutasi jenis D614G sama seperti Kluster Sivagangga.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, KKM memandang serius peningkatan Covid-19 yang berlaku melibatkan kedua-dua kluster berkenaan dan pemantauan serta pencegahan sedang giat dilakukan.

"Virus memang bersifat demikial. Ia akan bermutasi bukan kerana mahu membunuh perumah, tetapi ia mahu terus hidup.

"Setakat ini kita tidak tahu ia bersangkutan (dengan mutasi D614G). Kajian masih dijalankan," katanya ketika ditemui di Felda Gunung Besout 4, di sini semalam.

Virus mutasi D614G dilaporkan berisiko meningkatkan kebolehhangkitan Covid-19 lebih 10 kali ganda dalam kalangan mereka yang tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Jumlah kes positif Covid-19 yang dilaporkan berkaitan Kluster Tawar adalah sebanyak 58 kes dengan tiga kes baharu dikesan pada semalam, manakala jumlah 11 kes melibatkan Kluster Sala.

Sementara itu, Noor Azmi



DR. Noor Azmi mengadakan lawatan kerja di Dewan Semai Bakti, Felda Gunung Besout 4, Muallim semalam.

berkata, siasatan perlu dilakukan terhadap Menteri Perusahaan, Perdagangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali yang dilaporkan tidak mematuhi arahan kuarantin selepas pulang dari luar negara baru-baru ini.

"Saya tidak tahu perincian perkara ini dan jika ada kebenarannya, maka siasatan

dan hukuman mengikut Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit-Penyakit Berjangkit 1988 perlu dilakukan. Semua rakyat mahu keadilan dan integriti," katanya.

Katanya lagi, setakat ini tiada laporan berkaitan pelanggaran SOP ketika berkempen sempena Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim.



LELAKI warga Perancis yang tiba di LATL, Langkawi kelmarin dengan memakai gelang merah jambu.

## Warga Perancis diarah kuarantin di Langkawi

**PUTRAJAYA** – Lelaki Perancis yang dikesan memakai gelang merah jambu di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LATL) dimasukkan ke stesen kuarantin di Langkawi bagi menjalani kuarantin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pengembara tersebut dimasukkan ke stesen kuarantin itu pukul 7.30 malam kelmarin.

"Lelaki itu tidak bergejala dan ujian saringan Covid-19 di Lapangan Terbang Antara-

bangsa Kuala Lumpur (KLIA) mengesahkannya negatif sebelum dibenarkan meneruskan penerbangan domestik ke Langkawi.

"Namun, memandangkan mulai 24 Julai kerajaan mewajibkan semua pengembara yang tiba di Malaysia untuk menjalani kuarantin selama 14 hari di stesen kuarantin, syarat mengenai kuarantin di rumah bagi Program Malaysia Rumah Kedua (MM2H) adalah terbatil," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 28  
RUANGAN : TRENDING



### VVIP TULAR

#### Tan Sri Dr. Noor Hisham

YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenaan mengurniakan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Dr. Noor Hisham menerima kurniaan tersebut pada hari pertama Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan yang berlangsung di Istana Melawati, Putrajaya awal minggu ini.

Malah, barisan pemimpin negara, ahli Parlimen blok pembangkang, selebriti tanah air dan netizen tidak melepaskan peluang mengucapkan tahniah kepada Dr. Noor Hisham menerusi laman sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram.

Selain mendapat gelaran Tan Sri, Dr. Noor Hisham juga diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah pada tahun ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10

SABTU 22 OGOS 2020 • SINAR HARIAN



### MEMERANGI WABAK COVID-19



# Kluster Maju pula dikesan

Melibatkan dua pekerja dan seorang pelanggan sebuah restoran di Titiwangsa

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

#### PUTRAJAYA

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Maju selepas dua pekerja restoran dan seorang pelanggan disahkan positif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, Kluster Maju melibatkan sebuah restoran di Titiwangsa, Kuala Lumpur.

"Dua kes pertama kluster ini iaitu kes ke-9,176 dan 9,177 yang merupakan pekerja restoran itu telah dilaporkan pada Ahad lalu.

"Kedua-dua pesakit itu dikesan

hasil saringan rawak ke atas pekerja restoran dan kedai makan di sekitar Kuala Lumpur. Susulan itu, KKM telah menjalankan saringan kontak rapat kes berkenaan," katanya.


Beliau berkata, salah seorang pelanggan restoran yang telah dikenal pasti menunjukkan gejala sakit tekak dan sakit kepala pada Isnin lalu.

"Dia disahkan positif Covid-19 dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini seramai 672 orang telah disaring, termasuk 16 pekerja dan 656 orang pelanggan.

"Daripada jumlah itu, tiga kes dikesan positif Covid-19 dan 669 individu negatif," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, KKM merekodkan sembilan kes baharu positif Covid-19 semalam.



Kluster Maju yang melibatkan dua pekerja dan seorang pelanggan di sebuah restoran di Titiwangsa, Kuala Lumpur.

"Daripada jumlah itu, lima kes merupakan penularan dalam negara.

"Tiga kes baharu dikesan daripada Kluster Tawar dan satu Kluster Maju selain satu kes saringan sebelum dihantar pulang ke negara asal di Sarawak," katanya.

Warga Perancis gelang pink dimasukkan ke pusat kuarantin

**PUTRAJAYA** - Warga Perancis yang memakai gelang merah jambu dan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL) telah dimasukkan ke pusat kuarantin lewat petang kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, ia susulan kelonggaran kuarantin bagi peserta My Second Home Programme (MM2H) di kediaman terbatal apabila kerajaan mewajibkan semula kuarantin 14 hari di stesen kuarantin pada 24 Julai lalu.


Beliau berkata, lelaki yang menyertai program berkenaan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 8.25 pagi kelmarin.

"Beliau tidak bergejala dan ujian saringan Covid-19 di KLIA mengesahkan beliau negatif sebelum dibenarkan meneruskan perjalanan penerbangan domestik ke Langkawi," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, setibanya di Langkawi, lelaki itu ditahan oleh Pasukan Gerakan Am kerana memakai gelang merah jambu yang memberi indikasi statusnya sebagai individu di bawah siasatan (PUS) dan berada di kawasan awam.

"KKM mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan agensi lain dan rakyat dalam mengawal dan mencegah penularan Covid-19," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM





AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : CETUSAN

SINAR HARIAN • SABTU 22 OGOS 2020

CETUSAN

17



# Salam perkenalan buat semua



HITAM-HITAM  
GULA JAWA

PAK SU DO

**K**olum Kopi Pahit Hujung Minggu tulisan Tok Perak tidak lagi dapat menemui pembaca atas sebab-sebab yang tidak dapat dinyatakan di sini. Maka tiada lagi tulisan-tulisan beliau yang kritis, penuh pemerhatian yang tajam dan nasihat berguna yang dapat kita baca sebagai santapan minda hujung minggu.

Oleh kerana ruangan ini perlu diisi dengan artikel pojok, maka Pak Su Do akan ambil alih bermula hari ini. Jari-jemari Pak Su kena mampu mencoretkan sesuatu pandangan untuk dibahaskan oleh pembaca di ruangan komen media sosial.

Besar harapan Pak Su agar setiap coretan yang disiarkan dalam ruangan baharu ini diambil dari sudut positif supaya masyarakat kita akan sentiasa terbuka minda dan dapat memperbaiki diri menjadi lebih baik.

Pak Su juga berharap setiap coretan dapat dijadikan nasihat kepada diri Pak

Su sendiri supaya dapat menjadi manusia yang bermanfaat kepada orang lain.

■ **SEMUA** sedia maklum bahawa gerak-geri orang atasan sentiasa diperhatikan. Walaupun bukan 24 jam tetapi akan ada pada masa tertentu akan diperhatikan.

Contohnya, orang atasan dalam keluarga iaitu bapa, gerak-geri akan diperhatikan oleh isteri dan anak-anak. Jika seorang abang, tindak-tanduk akan diperhatikan oleh adik-adik.

Seorang ketua akan diperhatikan oleh anak buah dan tindakan seorang pemimpin akan diperhatikan oleh rakyat jelata.

Jika seorang bapa mahukan anak-anak menjadi ulat buku, bapa perlu menunjukkan contoh terlebih dahulu di depan anak-anak.

Janganlah diharap anak suka membaca buku jika si bapa banyak menghabiskan masa menghadap skrin telefon hingga waktu makan pun tangan tak lekang memegang telefon.

Sama juga jika sikap seorang bapa yang pemalas, janganlah diharap anak-anak menjadi lebih rajin.

Bahkan jika bapa menunjukkan contoh tidak baik, anak-anak akan menjadi lebih buruk daripada itu seperti peribahasa popular 'bapa kencing berdiri, anak

kencing berlari'.

■ **MENTERI** Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali, 46, pergi ke Turki pada 3 hingga 7 Julai tetapi pada 13 Julai beliau datang ke Parlimen.

Isunya, Ahli Parlimen Kuala Nerus itu tidak menjalani kuarantin selepas pulang dari luar negara.

Sedangkan semua sedia maklum sesiapa yang pulang selepas berkunjung ke luar negara wajib dikuarantin selama 14 hari berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan sendiri.

Di media sosial, netizen rata-ratanya mengancam tindakan tersebut kerana bimbang insiden Kluster Sivagangga berulang menjadi Kluster Menteri.

Kita berdoa agar dijauhkan perkara berkenaan dan sekarang ini perhatian tertumpu kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai tindakan yang bakal dikenakan terhadap Khairuddin.

Apakah bentuk tindakan KKM nanti?

Sebelum ini juga, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, 59, dan Exco Perak, Razman Zakaria, 60, masing-masing didenda RM1,000 selepas mengaku bersalah di hadapan Majistret Norhidayati Mohammad Nas-

roh kerana melanggar SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Lenggong, Perak.

■ **ADA** juga yang Pak Su perhatikan dalam kalangan pemimpin dan pak menteri yang tidak memakai pelitup muka serta tiada penjarakkan fizikal menghiduri program-program.

Pada zaman sekarang ini, bukti kejadian amat mudah diperoleh kerana rakaman gambar dan video amat mudah tersebar.

Pak Su harap selepas ini pemimpin akan lebih berwaspada dengan SOP yang ditetapkan kerana banyak mata yang memerhatikan. Kalau bukan kerana mata-mata rakyat sekalipun, pemimpin harus memainkan peranan lebih besar untuk menghentikan penyebaran Covid-19.

Akhir sekali, Pak Su harap vaksin yang dihasilkan untuk memerangi Covid-19 dapat berfungsi dengan berkesan tidak kiralah sama ada dihasilkan oleh Rusia, Amerika Syarikat mahupun China.

Dengan terhasilnya vaksin yang berkesan, kita tidak lagi perlu hidup dengan keterbatasan yang ada. Sama-sama kita doakan agar penderitaan yang dialami seluruh dunia berakhir dan pulih segera.

\*PAK SU DO

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

NewStraitsTimes • SATURDAY, AUGUST 22, 2020

4 | NEWS / Nation

672 INDIVIDUALS SCREENED

# NEW MAJU CLUSTER IDENTIFIED

Three tested positive from the cluster that originated from a restaurant in Titiwangsa, KL

ESTHER LANDAU -  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**A** NEW Covid-19 cluster that originated from a restaurant in Titiwangsa here has been identified as Maju Cluster.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said three people from this cluster had tested positive.

He said the first two cases were reported on Aug 16 (Cases 9,176 and 9,177) involving restaurant workers, who were identified through random Covid-19

screening tests on workers and premises around the city.

"From contract tracing, we found a new case from this cluster involving a customer who dined in the restaurant. The person had symptoms such as coughing and headache since Aug 17 and was sent to the Sungai Buloh Hospital.

"Currently, a total of 672 individuals have been screened, including 16 workers and 656 customers. From this, three cases tested positive, and 669 negative.

"Active case detection has been activated and contract tracing screening is ongoing. Disinfection and sanitisation operations have been carried out at the restaurant."

The Health Ministry reported three new cases from the Tawar Cluster in Kedah, with 58 cases identified so far.

Up to noon yesterday, a total of 2,733 individuals from the cluster had been screened.



People wearing masks and adhering to physical distancing as they board a ferry to Langkawi at the Kuala Kedah ferry terminal in Alor Star yesterday. BERNAMA PIC

"We have screened 2,256 individuals in Kedah, where 47 cases tested positive, 1,985 tested negative while 224 are awaiting results," said Dr Noor Hisham.

"In Penang, a total of 466 people have been screened, where 11 tested positive, 430 tested negative, while the rest are waiting for results.

"In Perak, 11 individuals were screened and all tested negative. Case detection and contract tracing are ongoing for this cluster.

"The ministry will update the situation from time to time."

Meanwhile, nine Covid-19 cases have been reported in the country up to noon yesterday, bringing the tally of infections

to 9,249.

Dr Noor Hisham said 179 active cases were being treated at health facilities nationwide.

From the new cases, four were imported involving non-Malaysians, while five cases were local transmissions involving four Malaysians and one foreigner.

"The four imported cases comprise one case each from the Philippines, Austria, Indonesia, and India.

"The local transmission involving a non-Malaysian was from a screening prior to returning the origin country," said Dr Noor Hisham.

He said the individual was

asymptomatic and was sent to Sarawak General Hospital.

"The other four local transmissions comprise three cases from the Tawar Cluster in Kedah and one from the Maju Cluster in Kuala Lumpur."

He said seven patients were being treated at the Intensive Care Unit, with four on breathing support.

Dr Noor Hisham said no death was recorded yesterday, with the number of deaths in the country stood at 125 or 1.35 per cent.

"A total of 13 cases have recovered and were discharged today (yesterday). The total cumulative recovery cases are 8,945 (96.7 per cent)."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

SATURDAY, AUGUST 22, 2020 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS

5

## STUDIES UNDERWAY

# IS D614G STRAIN INVOLVED IN SALA AND TAWAR CLUSTERS?

Health Ministry views seriously the rising number of positive cases from the clusters

## TANJUNG MALIM

**S**TUDIES are underway to ascertain whether the Sala and Tawar Clusters involve the D614G-type mutation of Covid-19, like the Sivaganga Cluster.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said the ministry viewed seriously the rising number of positive cases from the two clusters and all monitoring activities and preventive measures had been intensified.

"It is the nature of virus. It will mutate to survive, not to kill the host, but we don't know whether or not it is the D614G-type mutation. Studies are ongoing," he said at Felda Gunung Besout 4 here yesterday.

The D614G mutation of Covid-19 is reported to be 10 times more infectious, especially among those who do not follow the standard operating procedures to curb the spread of the disease.

Eight new cases were reported in Kedah and Penang last Wednesday, bringing the total

number of positive Covid-19 cases detected in the Tawar Cluster to 55. Three new cases were reported in Kedah, totalling 11 cases involving the Sala Cluster.

When asked about the report on Plantation Industries and Commodities Minister Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali allegedly violating his 14-day mandatory quarantine order after his recent return from overseas, Dr Noor Azmi said: "I don't know the details of the case, but if it is true, then action should be taken as stated under Act 342 (Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988).

"The people want to see justice done and integrity upheld."

Bernama



Datuk Dr Noor Azmi Ghazali

## CHARTERED FLIGHT

## Rep insists govt did not notify Penang of medical tourists

**GEORGE TOWN:** The Penang government is adamant that it was not informed of incoming medical tourists to the state although the federal government has mentioned otherwise.

Tourism, Arts, Culture and Heritage Committee chairman Yeoh Soon Hin said he met the airlines and hospital representatives, who confirmed that they liaised directly with the federal authorities for arrangements related to the charter flight.

He said Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong should not divert public attention from the federal government's failure to notify the state about the arrival of the chartered flight from Medan, Indonesia, to Penang.

"During this pandemic, the Penang government's priority remains unchanged, which is to prioritise the safety and health of Penangites.

"This is also in line my meeting with the Indonesian consul-general in July, where I emphasised that Penang will collaborate with Indonesia to promote medical tourism after the pandemic.

"However, this was taken out of context by certain parties," he said in a statement yesterday.

Penang received its first medical chartered flight from Indonesia last Friday.


Following the report, the state came under intense criticism from various quarters.

Three patients, two of whom have cancer and one requiring urgent medical care, had fully complied with the standard operating procedures set by the federal government, including the Immigration Department and Malaysia Healthcare Travel Council.

Wee said the Civil Aviation Authority of Malaysia did not receive any notice of objection from the Penang government on the chartered flight.

He also pointed out that they did not receive any instruction from the National Security Council to disallow chartered medical flights from entering Penang.

Earlier this week, Chief Minister Chow Kon Yeow said the Penang government had written to the Immigration Department to temporarily suspend incoming medical tourists.



The French national who was spotted wearing the pink wristband at the Langkawi International Airport. PIX COURTESY OF READER

## SPOTTED WITH WRISTBAND

## French man to undergo quarantine at health clinic

**LANGKAWI:** A French national, who was spotted with a pink wristband at the Langkawi International Airport yesterday, has been ordered to undergo quarantine at the Ayer Hangat Health Clinic here.

Langkawi district police chief

Superintendent Mohd Iqbal Ibrahim said the order was issued by the Health Ministry.

The French man was sent to the clinic for quarantine and was not allowed to undergo quarantine at his rented house in Pantai Chenang.

The 64-year-old was detected wearing the pink wristband on arrival at the airport here from the Kuala Lumpur International Airport, where he underwent screening for Covid-19 upon arriving from Doha, Qatar. He tested negative for the virus and was

allowed to undergo quarantine at his house in Langkawi.

On Sept 1, he is required to present himself at the Kedah Crisis Preparedness and Response Centre before going for the second swab test the following day.

Bernama